

940/1
Sejarah
Kertas 1
Sept 2009
3 jam

**JABATAN PELAJARAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
2009**

SEJARAH

Kertas 1

Tiga Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOLAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan kepada calon:

Jawab empat soalan sahaja . Dua soalan daripada Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B

Semua jawapan hendaklah ditulis dengan nombor soalan

Kertas soalan ini terdiri daripada 3 halaman bercetak

[Lihat sebelah

940/1

*** Kertas soalan ini sulit sehingga peperiksaan kertas ini tamat**

BAHAGIAN AArahan: Jawab **dua** soalan sahaja.

1. Bincangkan ciri-ciri perbandaran dalam tamadun awal dengan merujuk kepada Tamadun Indus dan Mesopotamia. [25 markah]
2. Organisasi sosial merupakan salah satu ciri sebuah masyarakat bertamadun. Bincangkan organisasi sosial dalam Tamadun Mesir. [25 markah]
3. Terangkan sistem pemerintahan republik yang diamalkan dalam Tamadun Rom. [25 markah]
4. Huraikan aktiviti ekonomi yang dipraktikkan di Alam Melayu sebelum abad ke-15. [25 markah]
5. Bincangkan sistem pendidikan yang dipraktikkan dalam Tamadun Mesopotamia. [25 markah]
6. Nilaiikan kepentingan penjelajahan dan penemuan oleh Christopher Columbus, Ferdinand Magellan dan Vasco da Gama kepada perkembangan politik dan ekonomi dunia. [25 markah]
7. Bandingkan sistem pemerintahan Negara kota Athens dan Sparta. [25 markah]
8. Bandingkan strategi peperangan mengikut Kautilya dan Sun Tzu. [25 markah]

BAHAGIAN BArahan: Jawab **dua** soalan sahaja.

9. Jelaskan konsep manusia mengikut pandangan Islam dan Arab Jahiliyah. [25 markah]
10. Shahifah Madinah dianggap sebagai perlembagaan bertulis yang pertama di zaman Islam. Huraikan perkara-perkara yang terdapat dalam Shahifah Madinah. [25 markah]
11. Perang Uhud adalah peperangan kedua yang melibatkan orang Islam dan Arab Quraisy Mekah. Terangkan sebab dan kesan peperangan tersebut kepada pihak-pihak yang terlibat. [25 markah]
12. Huraikan sumber dan sistem pentadbiran Baitul Mal pada zaman Khalifah Umar Al-Khattab. [25 markah]
13. Huraikan jenis-jenis institusi pendidikan Islam dan kaedah-kaedah pembelajarannya di Alam Melayu. [25 markah]
14. Jelaskan faktor-faktor yang menggalakkan orang-orang Islam melakukan penjelajahan dan penerokaan. [25 markah]
15. Bandingkan sistem pemerintahan antara Rom pada zaman Augustus dengan Madinah pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. [25 markah]
16. Huraikan konsep seni menurut pandangan Islam dan Barat serta nyatakan perbezaan antara kedua-keduanya. [25 markah]

SOALAN TAMAT

SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN SETARA STPM 2009

SEJARAH 1(940/1)

1. Bincangkan ciri-ciri perbandaran dalam tamadun awal dengan merujuk kepada Tamadun Indus dan Mesopotamia.

Isi

1. CIRI-CIRI BANDAR MOHENDO DARO - HARAPPA

Daripada kajian tinggalan kota Mohenjodaro dan Harappa, adalah diketahui bahawa kedua-dua bandar mempunyai ciri persamaan dari segi perancangan bandar yang teliti.

1. Bandar dan Kubu Pertahanan

Masyarakat Indus mempunyai kemahiran yang tinggi dalam perancangan dan pembinaan bandar. Kebanyakan bandar di Indus terdiri daripada dua bahagian iaitu kubu dan bandar. Biasanya kubu dibina di bahagian timur bandar bagi mengelak musuh dan mengatasi masalah banjir.

2. Batu-batu yang standard

Pembinaan bandar Indus menggunakan batu-bata yang bermutu tinggi dan bersaiz standard. Bangunan dibina dalam bentuk blok-blok empat segi di sepanjang jalan dan lorong, menggunakan skil garisan lurus.

3. Jalanraya

Jalan-jalan utama dibina secara lurus berukuran 30 kaki lebar. Jalan dari utara ke selatan silang oleh jalan-jalan lain pada sudut tepat dan membentuk blok yang berukuran 130 kaki X 65 kaki. Di samping itu juga terdapat longkang yang tertutup dibina di sepanjang jalan dan dilengkapi dengan lubang pemeriksaan untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan jika longkang tersumbat.

4. Mempunyai kemudahan awam.

Dalam bandar terdapat kemudahan awam seperti tempat mandi awam dan tandas awam. Kemudahan dibina berhampiran dengan jalan utama untuk kegunaan buruh dan hamba. Terdapat juga kolam mandi yang besar (The Great Bath). Terdapat tangga yang dibina menggunakan batu dan bitumen. Air dalam kolam boleh diisi dan dikosongkan semula. Terdapat bilik mandi khas untuk golongan pendela dan bangsawan. Wujud juga sebuah jelapang (*Great Granary*) yang terletak di atas sebuah podium yang berukuran 150 kaki lebar dan 200 kaki panjang. Jelapang itu adalah digunakan oleh pemerintah untuk menyimpan biji-bijirin yang merupakan hasil berlebihan pertanian.

5. Bentuk rumah

Pembinaan rumah ikut standard. Bentuk rumah dua tingkat atau lebih. Saiz setiap rumah adalah berbeza, terdapat bilik tidur, serambi, bilik mandi dan perigi. Rumah dibina dalam satu deretan di sepanjang jalan utama dan terdapat ruang antara satu rumah untuk peredaran udara.

CIRI-CIRI BANDAR MESOPOTAMIA

1. Pusat bandar

- (i) Merupakan bahagian tertua dalam bandar.
 - (ii) Terdapat istana, rumah berhala, tempat kediaman pegawai-pegawai istana dan penempatan awam.
 - (iii) Pintu gerbang berfungsi sebagai tapak perhimpunan.
2. Kawasan luar bandar
 - (i) Meliputi kawasan pertanian dan penernakan.
 - (ii) Tembok dibina untuk melindungi kawasan ini.
 - (iii) Terdapat kubu-kubu (*kidunu*) yang dibina untuk pertahanan.
 3. Pelabuhan
 - (i) Pusat kegiatan perdagangan.
 - (ii) Pelabuhan mempunyai pentadbiran dan perundangan yang berasingan.
 - (iii) Terdapat tempat penginapan dan gudang untuk menyimpan barang dagangan.
 4. Pembinaan kubu
 - (i) Kubu dibina bagi tujuan pertahanan sejak 3000 S.M.
 - (ii) Bandar-bandar lama mempunyai kubu dalam bandar manakala bandar-bandar baru mempunyai kubu di luar kawasan bandar.
 5. Pembinaan tembok pertahanan
 - (i) Dibina untuk mempertahankan bandar daripada serangan musuh.
 - (ii) Berfungsi sebagai sempadan yang memisahkan kawasan bandar dan luar bandar.
 - (iii) Tembok terdiri daripada pelbagai jenis, iaitu segi empat tepat, bulat, dan bujur.
 - (iv) Di bandar-bandar lama, tembok dibina untuk memisahkan rumah berhala dan istana. Ciri ini tidak terdapat di utara Mesopotamia.
 - (v) Di seselengah bandar, dua tembok dibina di sekeliling bandar. Tembok pertama dibina di sekeliling istana, rumah, rumah berhala, dan tempat kediaman pegawai istana. Tembok kedua meliputi kawasan pinggir bandar.
 6. Pintu gerbang
 - (i) Merupakan laluan masuk utama ke dalam bandar. Contoh: di Babylon, terdapat 8 pintu gerbang dan pintu Ishtar adalah pintu masuk utama.
 - (ii) Memainkan peranan dalam mengawal dan mengawasi orang yang keluar masuk.
 - (iii) Berfungsi sebagai daya tarikan kepada pelancong kerana terdapat monumen-monumen yang diukir dan dihiasi di pintu gerbang.
 - (iv) Memainkan peranan sebagai pusat sivil.

7. Pasar

- (i) Bandar-bandar Mesopotamia juga mempunyai kawasan berjual-beli, iaitu pasar dan kedai.
- (ii) Senarai harga barangan yang dijual dipamerkan.
- (iii) Kedai menjual barang-barang mewah. "Bit Mahirim" terdapat di Sippar.

8. Jalan raya

- (i) Jalan-jalan dibina untuk menghubungkan pintu gerbang dengan tempat-tempat lain.
- (ii) Jalan-jalan mempunyai ukuran lebar yang standard dan bersilang pada sudut tepat.
- (iii) Terdapat jalan perarakan (jalan suci) yang dibina di Babylon, Assur, Hatusa, dan Uruk. Jalan ini digunakan untuk perarakan semasa perayaan Tahun Baru.

C Kesimpulan (1 markah)

2. Organisasi sosial merupakan salah satu ciri sebuah masyarakat bertamadun. Bincangkan organisasi sosial dalam Tamadun Mesir.

Pendahuluan (3M)

- Organisasi sosial bermaksud pembahagian anggota masyarakat kepada beberapa lapisan social yang mempunyai kuasa, kekayaan, gaya hidup dan pekerjaan.
- Menurut M Tumin, organisasi sosial merupakan kelompok manusia dalam satu lapisan kedudukan yg mempunyai perbezaan kuasa, harta penilaian social dan kepuasan rohani
- Ia merupakan satu fenomena yang universal dan terdapat dalam semua tamadun awal.
- Lazimnya muncul beberapa golongan seperti raja, bangsawan, tentera dan artisan.

Isi (4 Isi X 5 M)

1. Raja menduduki tangga teratas

- raja memainkan peranan penting dalam pentadbiran, berkuasa mutlak dan dianggap sebagai tuhan dan pelindung rakyat. Raja merupakan lambang maat (kebenaran dan keadilan).
- Raja bertindak sebagai ketua paderi, ketua pentadbir dan ketua hakim negara.
- Raja dibantu oleh paderi, pegawai-pegawai tinggi khas di kalangan keluarga raja atau saudara mara serta wazir.

2. Golongan Bangsawan dan Paderi

- Terdiri daripada golongan menengah atas.
- Membantu raja dalam soal pentadbiran seperti menjawat hakim, jeneral dan jurutera.
- Paderi mempunyai hirarki yang tersendiri, bertugas dalam bidang agama dan mempunyai pengaruh dalam perlantikan raja.

3. Tentera, Pembantu Raja, Tukang-Tukang Mahir dan Petani

- dikenali sebagai golongan menengah bawah.

- Tentera disertai oleh pekebun kecil, artisan dan kumpulan profesional sederhana.
- Pembantu raja terdiri daripada pekerja lombong emas, membuat tembikar, pekerja binaan dan mempunyai rumah berhalwa sendiri.
- Petani merupakan golongan rakyat biasa yang hidup dalam keadaan tertindas kerana terikat dengan tuan tanah

4. Golongan Hamba

- Golongan baahan yang tidak mempunyai kebebasan.
- kebanyakan terdiri daripada orang asing terutama tawanan perang.
- Memainkan peranan penting dalam bidang ekonomi dan social
- Hamba yang memiliki kemahiran menjahit akan bekerja di istana dan rumah golongan bangsawan.
- tidak mempunyai kemahiran akan menjadi buruh paksa

Penutup (2 m) –Apa saja yang berkaitan.

3. Terangkan sistem pemerintahan republik yang diamalkan dalam Tamadun Rom (25 markah)

A. PENGENALAN (3 markah)

1. Republik bermaksud negara yang ditadbir oleh wakil yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Negara yang mengamalkan cara pemerintahan republik diketuai oleh seorang presiden.
2. Sebelum kelahiran sistem pemerintahan republik, Rom mengamalkan pemerintahan beraja yang dimulakan sejak 753 S.M dan diperintah secara mutlak oleh raja-raja Etruscan.
3. Pemerintahan Republik bermula pada tahun 509 M apabila raja terakhir, Tarquin the Proud diusir apabila pemberontakan golongan bangsawan telah membawa kejayaan.
4. Dalam bahasa Latin, res publica bermaksud hal rakyat, merupakan satu bentuk kerajaan yang diketuai oleh bukan seorang raja.
5. Kerajaan Republik mempunyai tiga buah badan dan fungsinya yang tersendiri iaitu Konsul, Dewan Senat dan Dewan Perhimpunan.

B. ISI-ISI (20 markah)

1. Konsul

- a. Merupakan pemerintah tertinggi dalam pemerintahan republik.
 - dua orang konsul yang dipilih berumur melebihi 40 tahun. Dua orang konsul dipilih supaya seorang boleh mengawasi yang lain agar tidak berlaku penyalahgunaan kuasa atau melakukan penyelewengan. Perkara-perkara yang perlu diputuskan perlulah secara bersama. Hal ini juga ini juga bagi mengelakkan berlakunya pemusatan kuasa.
- b. Dilantik oleh Dewan Senat dan mentadbir selama satu tahun. Sehingga abad yang ke-4 Masihi, jawatan konsul terhad kepada golongan bangsawan.
- c. Bidang kuasa ialah berkuasa dalam bidang pentadbiran, keadilan, ketenteraan, keagamaan dan kewangan. Turut berperanan sebagai ketua hakim, ketua angkatan

tertera dan ketua eksekutif. Memilih dan melantik 300 ahli senat.
Konsul juga berperanan menjaga kedaulatan dan menjaga kebajikan rakyat.

2. Dewan Senat

- Dewan Senat diwakili oleh 300 orang ahli yang dipilih daripada golongan bangsawan dan dikenali sebagai senatbr. Ahli Dewan Senat bertindak menasihati konsul dalam urusan pentadbiran negara.
- Dewan Senat berfungsi sebagai membincangkan hal pentadbiran negara, menggubal undang-undang untuk dibincangkan dalam Dewan Perhimpunan, mengadakan rundingan dengan duta-duta asing, menetapkan provinsi yang akan diuruskan oleh konsul, menguruskan hal ehwal kewangan, dan menyelesaikan krisis keagamaan.

3. Dewan Perhimpunan

- Diwakili oleh semua rakyat Rom. Dikenali sebagai forum iaitu tempat rakyat berkumpul dan mendapat laporan tentang perbincangan Dewan Senat.
- Dewan ini membantu Dewan Senat melaksanakan pemerintahan, meluluskan dan mengesahkan undang-undang yang telah diputuskan oleh Dewan Senat.
- Dewan ini turut berfungsi melantik konsul dan praetor. Turut bertindak sebagai Mahkamah Rayuan.
- Merupakan Badan Perundangan utama sehingga 218M.

C. KESIMPULAN (2 markah)

- Pemerintahan Republik merupakan warisan kerajaan Rom kepada tamadun dunia. Pemerintahan ini dapat memperlihatkan keseimbangan kuasa antara 3 badan pemerintah iaitu Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman.
- Pemerintahan Republik merintis ke arah pemerintahan diktator pada zaman Julius Caesar apabila berjaya mengalahkan Jeneral Pompei lalu mengisytiharkan dirinya sebagai diktator.

4. Huraikan aktiviti ekonomi yg dipraktikkan di Alam Melayu sebelum abad ke- 15. (25 markah)

A. PENGENALAN (3 markah)

- Kegiatan ekonomi masyarakat Melayu Tradisional berasaskan kepada aktiviti berasaskan aktiviti pertanian yang berasaskan pertanian sara diri terdiri daripada aktiviti bercucuk tanam, memelihara binatang, dan mengumpulkan hasil hutan.
- Masyarakat juga terlibat dalam kegiatan perlombongan dan mengumpulkan hasil hutan yang dijadikan sebagai barang pertukaran untuk mendapatkan barang-barang keperluan.
- Menjelang abad pertama Masihi, berlaku perkembangan pesat dalam perdagangan dan muncul politi-politi perdagangan.

B. ISI-ISI (7 isi x 3 m = 21 markah)

a. Ekonomi sara diri

- kegiatan ekonomi tradisional masyarakat Melayu bergantung pada aktiviti pertanian untuk tujuan sara diri, iaitu menghasilkan pelbagai bahan makanan untuk kegunaan sendiri.

- kegiatan pertanian terdiri daripada aktiviti bercucuk tanam, memelihara binatang, menangkap ikan, memburu dan mengumpulkan hasil hutan.
- penanaman utama ialah penanaman padi kerana nears merupakan makanan penting di Nusantara. Tanaman lain ialah ubi keladi, sagu, ubi.

b. Mengumpulkan hasil hutan.

- Tanah Melayu kaya dengan hasil-hasil hutan seperti kayu wangi, kayu gaharu, kapur barus dan, rotan.
- Hasil hutan dibawa ke pusat pengumpulan seperti Kuala Selinsing dan diedarkan ke pelabuhan-pelabuhan kecil.

c. Mengumpulkan hasil laut.

- kepulauan Melayu kaya dengan hasil laut seperti siput, kerang, dan tiram mutiara.
- hasil laut seperti kura-kura, siput kowri, akar bahar, dan tripang mendapat pasaran yang luas di China.
- kulit siput kowri digunakan sebagai mata wang manakala akar bahar dan tripang digunakan sebagai perencah sup dan untuk tujuan perubatan.
- turut melibatkan orang laut yang mempunyai kemahiran menyelam dan berenang untuk memungut kerang, tiram dan bunga karang.

d. Perlombongan.

- hasil galian seperti galian besi, emas dan bijih timah di kawasan seperti Delta Sg Sarawak- besi dan emas, Semenanjung Tanah Melayu pula kaya dengan besi, Emas dan bijih timah.

e. Perdagangan.

- kedudukan geografi Kepulauan Melayu yang terletak di tengah-tengah jalan perdagangan antara India dan China menyebabkan aktiviti perdagangan berkembang pesat. Perkembangan perdagangan menyebabkan muncul beberapa politi perdagangan di Alam Melayu. Contohnya, Tun Sun, Lang-ya-hsui, Fo-lo-an, Kadaram, Chih-tu, Ko-ku-la dll.
- sumber bertulis China mengandungi maklumat tentang barang-barang yang didagang di pelabuhan-pelabuhan tersebut.
- Barang yang didagangkan :
 - Lang-ya-hsui - gading gajah, tanduk badak, sumbu, gaharu, kapur barus.
 - Tan-ma-ling - madu labah, kapur barus, gading gajah, kayu gaharu.
 - Kalah - kayu alges, kayu cendana, gading gajah dan ebony.

f. Pusat pengumpulan.

- pusat pengumpulan muncul pada abad ke-2 dan ke-3 Masihi di Semenanjung Tanah Melayu. Pusat pengumpulan berkembang kerana kedudukan yang strategik di tengah-tengah laluan perdagangan antarabangsa.
- terletak di tepi pantai dan sungai-sungai di kawasan pedalaman. Turut menjadi pusat persinggahan dan pusat menjual barang-barang tempatan. Contohnya, Sungai Lang, Klang, Batu Buruk (bijih timah dan emas), Pulau Tioman (kayu gaharu, kapur barus, sarang burung dan kelapa.

g. Pusat pembekalan.

- merupakan pusat-pusat yang mengeluarkan barangan tempatan kepada pusat-pusat pemungutan.
- terletak di kawasan pantai atau kawasan sungai di pedalaman. Lembah Langat di

Jenderam Hilir merupakan pusat pembekal bagi mengumpukan bijih timah dari kawasan pedalaman.

h. Entrepot.

- merupakan pusat perdagangan yang muncul selepas abad pertama Masihi.
- terletak di tengah-tengah laluan perdagangan timur-barat dan mempunyai kemudahan pelabuhan yang lengkap seperti gudang, bekalan air minuman, tempat membaiki kapal dll.
- mengumpukan barang-barang dagangan dari Arab, India, Sri Langka, dan China seterusnya dihantar ke destinasi terakhir melalui pelabuhan entrepot.

C. KESIMPULAN (1 markah)

- Selepas abad pertama Masihi, aktiviti perdagangan berkembang dengan pesat. Kepadatan perdagangan ini nanti membawa kepada kemunculan empayar.

5. Bincangkan sistem pendidikan yang dipraktikkan dalam Tamadun Mesopotamia. (25 markah)

A. PENGENALAN. (3 markah)

- Menurut International Dictionary of Education, pendidikan ialah suatu proses yang membentuk abiliti dan sikap manusia. Ia juga suatu proses sosial di mana berlaku pertumbuhan individu yang dijalankan melalui institusi seperti sekolah atau kolej. Pendidikan adalah secara terancang dan sistematik terhadap perkembangan jasmani dan rohani dan menjalani kehidupan yang sempurna.
- latar belakang Tamadun Mesopotamia.

B. ISI-ISI PENTING. (5 isi x 4 markah = 20 markah)

i. Matlamat Pendidikan.

- melahirkan golongan jurutulis yang mahir.
- melahirkan golongan terpelajar yang memainkan peranan untuk memegang jawatan pentadbiran. Juga bagi tujuan memegang jawatan tinggi dalam kerajaan seperti gabenor, doktor dan pendeta.
- juga bertujuan untuk memelihara warisan budaya daripada hilang ditelan zaman.
- melahirkan pelajar-pelajar yang mahir dalam bidang penulisan serta memperkayakan bidang kesusasteraan.
- melahirkan ramai sarjana yang memberikan sumbangan dalam pelbagai bidang intelektual.

ii. Peringkat Pendidikan.

- dua peringkat pendidikan iaitu peringkat rendah dan peringkat menengah.
- peringkat rendah dijalankan di rumah guru dan menekankan kemahiran membaca dan menulis. Peringkat menengah dijalankan di pusat pengajian tinggi yang dikenali sebagai Edubba.
- Sekolah Edubba mempunyai organisasi pentadbiran yang sistematik dan lengkap dengan kemudahan seperti perpustakaan. Subjek yang ditawarkan meliputi subjek agama dan sekular seperti sains dan kesusasteraan.

iii. Proses pengajaran dan pembelajaran.

- dikendalikan oleh guru-guru terlatih.
- pelajar membaca teks-teks klasik dan kesusasteraan yang disediakan oleh guru.

Pelajar menghafal dan menyalin semula teks-teks tersebut.

iv. Institusi pendidikan.

- institusi pendidikan dikenali sebagai Edubba, iaitu sekolah yang diuruskan oleh rumah berhalwa dan ditadbir oleh golongan pendeta.
- sekolah ini mempunyai organisasi pentadbiran yang sistematik dan dilengkapi dengan kemudahan perpustakaan yang berfungsi sebagai pusat sumber.

v. Kurikulum.

- Subjek semisaintifik dan semikreatif.
- Subjek semisaintifik ialah biologi, botani, zoology, geografi, mineralogi, matematik, astronomi, perubatan, dan linguistik.
- bagi subjek linguistik, terdapat kamus dan buku nahu Sumeria dan Akkadia.
- subjek sastera kreatif yang meliputi mitos, epik, lagu-lagu suci, koleksi esei, dll.
- membaca, menyalinnya dan dikehendaki menghafal karya-karya klasik.

6. Nilakan Kepentingan Penjelajahan Dan Penemuan Oleh Christopher Columbus, Ferdinand Magellan Dan Vasco Da Gamma Kepada Perkembangan Politik Dan Ekonomi Dunia.

A. PENGENALAN.

Penjelajahan Columbus yang bermula pada tahun 1492, Da Gamma pada tahun 1498 dan Magellan (1519) amat penting kepada perkembangan politik dan ekonomi dunia berbanding dengan penjelajahan yang dilakukan oleh orang-orang sebelumnya. Penemuan mereka mencetuskan dampak yang besar dan mendadak dalam mengubah keadaan politik dan ekonomi dunia pada tahun-tahun berikutnya. Hasil penemuan mereka bukan sahaja telah membuka laluan baru perdagangan dunia, tetapi juga membuka jalan kepada terbinanya empayar-empayar perdagangan oleh Portugis dan Sepanyol.

B. SEBAB - SEBAB PENJELAJAHAN.

1. Penjelajahan yang dilakukan oleh Columbus, Da gamma dan Magellan berbeza dengan penjelajahan (lebih sesuai pengembaraan) Marco Polo, I Ching, Ibnu Battutah mahupun laksamana Cheng Jo. Columbus, Da Gammad dan Magellan bukan membuat penjelajahan sebagai atas inisiatif sebagai saudagar persendirian.
2. Penjelajahan mereka dilakukan atas kelulusan rasmi raja. Raja Portugal mahupun Raja Sepanyol dan saudagar-saudagar mereka memberikan bantuan kewangan dan sokongan penuh. Mencari kekayaan merupakan motif utama yang mendorong penjelajahan dan pihak yang memberi sokongan kepada mereka.

C. KEPENTINGAN PENJELAJAHAN DAN PENEROKAAN.

1. Penemuan Columbus, Da Gamma, dan Magellan memulakan pertapakkan kepentingan ekonomi kuasa-kuasa Barat di ke dua-dua benua itu. Penemuan Da Gamma dan Columbus menjadi titik permulaan proses pemindahan

- kekayaan dari Amerika dan Asia ke benua Eropah. Misalnya kepulauan da Gamma ke Portugal pada tahun 1498 membawa satu kargo rempah (setelah dua buah kapalnya ditenggelamkan oleh musuh) yang dapat dijual dengan memperoleh pendapatan lebih 60 kali ganda dari kos penjelajahannya.
2. Selepas tahun 1505, secara purata dua belas buah kapal setahun bertolak dari Lisbon ke Timur Jauh. Portugis menjadi pengasas kepada kewujudan jaringan perdagangan Eropah. Kekayaan dari timur mula mengalir ke benua itu.
 3. Columbus pula menemui sebuah benua yang kaya dengan logam berharga. Selepas menjelajah kali ke dua ke benua itu, emas dan perak mencurah masuk ke perbendaharaan Sepanyol. Jumlahnya lebih besar lagi sekiranya dicampur emas dan perak yang dibawa masuk melalui penyeludupan.
 4. Selain logam berkenaan, Eropah juga membawa masuk beberapa jenis tanaman yang mula menguna kualiti pemakanan orang Eropah. Ini menyebabkan jumlah penduduk di Eropah semakin bertambah.
 5. Sepanyol muncul sebagai negara yang kaya di Eropah. Emas digunakan sebagai alat pertukaran untuk mendapatkan barangan dari luar. Melalui Sepanyol, emas dan perak dari benua Amerika tersebar secara meluas di benua Eropah.
 6. Ini menyebabkan pada abad ke - 16, Eropah bukan sahaja mula mengalami revolusi perdagangan, tetapi juga dilanda revolusi harga. Penemuan jalan baru ke timur dan kemasukan emas dan perak dari Amerika serta pembukaan koloni di sana mula mengubah kedudukan perdagangan di Eropah.
 7. Pusat perkembangannya tidak lagi bertumpu di Mediterranean, tetapi telah beralih ke Lautan Atlantik. Dalam abad ke - 16 masihi, Portugal dan Sepanyol muncul sebagai kuasa perdagangan utama di Eropah. Pusat dan kegiatan perdagangan juga tumbuh dengan pesat. Kaedah menjalankan perdagangan turut berubah. Organisasi kewangan seperti syarikat insurans dan bank tumbuh sebagai cendawan.
 8. Ringkasnya, penemuan Columbus dan Da Gamma mengubah Eropah menjadi pusat perdagangan dan berhubung kegiatan perdagangan antara Asia, Afrika dan kuga Amerika. Emas dan perak yang masuk dengan banyak menyebabkan aliran wang dalam pasaran di Eropah meningkat secara mendadak.
 9. Revolusi perniagaan dan revolusi harga itu menjadi perangsang kepada kemajuan perdagangan dan perindustrian di benua Eropah. Dua revolusi itu membawa keuntungan yang besar kepada para saudagar dan pengeluar. Keuntungan tersebutlah dilaburkan semula bagi menambahkan lagi kekayaan mereka.
 10. Perkembangan yang berlaku itu membawa kepada munculnya golongan pemodal dan bertapaknya sistem ekonomi kapitalisme di Eropah. Raja - raja Eropah juga mendapat faedah. Dengan kerjasama para saudagar, satu demi satu pembesar feodal yang menerima kesan teruk akibat kenaikan harga dapat dikalahkan. Kekalahan mereka membolehkan raja - raja Eropah mengukuhkan lagi sistem negara - kebangsaan. Hasil kerjasama dua belah pihak itu, semakin

banyak kapal - kapal perdagangan Eropah menjelajahi Asia dan Afrika. Kapal - kapal ini membawa hamba dari Afrika untuk berkerja di ladang - ladang pemodal Eropah di Amerika.

11. Kerajaan - kerajaan negara kebangsaan di Eropah memberi sokongan kuat kepada perkembangan teknologi persenjataan dan perkapalan. Kejayaan meningkatkan teknologi baru Eropah memajukan kapal perang menyebabkan Lautan Hindi dan Lautan Atlantik dimonopoli oleh kuasa - kuasa Eropah. Saudagar - saudagar Islam yang menguasai perdagangan di Lautan Hindi tidak dapat berfungsi lagi. Tempat - tempat mereka diambil alih oleh saudagar dari Portugal, Sepanyol, Inggeris dan Belanda.

12. Bermula sejak abad ke - 16 itu juga Eropah mula mengatasi Asia dari segi kemajuan dan penguasaan ke atas kekayaan dunia. Keadaan ini membuka laluan kepada kemunculan Eropah sebagai negara kaya dan menjadi titik permulaan kepada kemunduran Asia, Afrika dan Latin Amerika.

D. KESIMPULAN.

Tidak syak lagi, penjelajahan dan penemuan Columbus, Da Gamma dan Magellan mencetuskan impak yang amat besar ke atas kehidupan manusia. Ia bukan sahaja telah berjaya mentransformasikan ekonomi dan politik di Eropah, malahan juga ekonomu dan politik seluruh dunia.

7. Bandingkan sistem pemerintahan Negara kota Athens dan Sparta.

Pendahuluan (3M)

- Pergertian sistem pemerintahan
- L/Belakang Athens dan Sparta

Isi-isi (Athens) - 10 M

- Mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi melalui Assembly, Council, Majistret dan Juri
- Setiap institusi menyemak yang lain untuk mengelak pemusatan kuasa

Dewan Perhimpunan

- diwakili oleh seluruh warganegara kecuali hamba
- setiap wnegara berpeluang untuk memegang tugas pentadbiran 6 bulan - 1 tahun
- bersidang 40 kali setahun / 3 kali sebulan
- ahli-ahli boleh mengemukakan pandangan tentang dasar-dasar kerajaan.
- mengubal undang-undang dan dasar dari bagi negara

Majlis

- anggotanya 500 ahli
- melaksanakan keputusan Dwan Perhimpunan
- Menjalankan tugas-tugas harian kerajaan
- Semua wnegara berpeluang terlibat dalam pentadbiran
- dalam Majlis ini, 10 jeneral mempunyai kuasa yang cukup besar

Majistret/Juri

- terdiri daripada pegawai kerajaan
- melaksanakan dasar kerajaan yang diputuskan oleh Majlis
- ahli terdiri daripada penguip cukai dan pendidik

-keahlian juri berbeza mengikut jenis kesalahan

Isi-Isi Sparta (10M)

-mengamalkan system pemerintahan bersifat authoritarian. Dikenali juga sebagai monarki terhad / oligarki.
-pemerintahan diwakili oleh istitusi raja (2 orang), Majlis oRang Tua, Dewan Perhimpunan dan Ephors.

Institusi Raja

-dua orang raja dilantik seumur hidup
-kedua-dua araja adalah keluarga yang bersaing
-setiap seorang menyemak yang lain

Dewan Perhimpunan

-terdiri daripada semua kaum lelaki (10 ribu orang) berusia lebih 30 tahun.
-bertanggungjawab membentuk Council of Elders yang terdiri daripada 28 orang dewasa Untuk membantu raja.
-melantik lima orang ephors
-membincangkan perkara yang dipersetujui oleh Council atau Ephors.
Melulus / membatalkan cadangan-cadangan Council.
-melantik pegawai-pegawai awam, kecuali raja.

Majlis Orang Tua

-Ahli seramai 28 orang bangsawan yang berusia lebih 60 tahun.
-dilantik oleh Dewan Perhimpunan
-Menyelia kerja-kerja pentadbiran.
-menyediakan cadangan untuk dibahas dalam Majlis perhimpunan
-bertindak sebagai mahkamah tertinggi

Ephors

-institusi paling berkuasa terdiri daripada 5 orang pegawai.
-dipilih oleh Dewan Perhimpunan untuk mentadbir selama 5 tahun
-mengawasi sistem pendidikan, agihan kekayaan, kehidupan rakyat
-mempunyai kuasa veto
-mempengerusikan Assembly, mengadili kes-kes awam dan hal-ehwal luar negeri

Penutup (2M) Apa saja yang berkaitan

8. Bandingkan strategi peperangan mengikut pemikiran Kautilya dan Sun Tzu.

Pendahuluan (3M)

-Jelaskan sumbangan tokoh seperti hasil karya
-Latar belakang tokoh

Isi (Kautilya) (10M)

1. Hubungan kerajaan pusat dan negeri

-bersedia untuk berperang
-menunggu musuh untuk melancarkan serangan
-mengadakan persekutuan dengan musuh
-mengamalkan dasar duaan- bersekutu dengan satu musuh, dan melancarkan serangan ke atas musuh yang lain

2. Cara memenangi peperangan

-memujuk musuh melalui perbincangan
-memberi rasuah
-memecahbelah musuh dengan menimbulkan persengketaan

3. Pemerintah perlu mempunyai ilmu peperangan

-perlu mengkaji kekuatan tentera sendiri dan musuh
-tahu merancang komplot dan konspirasi
-menggunakan taktik kotor jika menemui jalan buntu
-menggunakan kaedah subversive seperti menghantar pengintip dan beri rasuah.

4. Pendekatan dalam peperangan

-Dana yang cukup – contoh untuk bagi rasuah
-Saman – menjalin perdamaian dengan Negara yang lemah
-Bheda – melaga-lagakan musuh agar musuh lemah
-Danda – menggunakan kekerasan terhadap musuh

Isi – Sun Tzu (10 M)

- 1 Elakkan peperangan yang dikuasai oleh perasaan marah. Perasaan marah boleh bertukar kepada riang. Rasa dendam boleh hilang dan bertukar kepada kemaafan.
- 2 Kepentingan rakyat adalah paling penting. Nyawa yang terkorban tidak dapat dihidupkan semula. Alasan moral untuk berperang merupakan perkara penting.
- 3 Yang penting ialah kemenangan dan bukannya tempoh berperang. Peperangan yang panjang tidak bermanfaat. Peperangan membawa kemusnahan.
- 4 Lebih baik musuh ditawan daripada memusnahkan negara kerana kedamaian lebih penting daripada kekerasan. Pengetahuan tentang diri sendiri dan musuh amat penting.
- 5 Dalam bab dua belas, beliau memberi ingatan supaya tidak melakukan peperangan dengan menggunakan api kecuali dalam keadaan yang amat terpaksa.
- 6 Lawan harus dilemahkan dari dalam. Hal ini dapat dilakukan melalui perisikan bagi menembusi pertahanan musuh dan mendapatkan maklumat tentang kekuatan dan kelemahan musuh. Perisik dan pengintip boleh menyebar khabar angin di kalangan musuh, merasuah lawan dan mewujudkan perasaan tidak puas hati dan tidak tenteram di kalangan musuh.
- 7 Perhubungan baik hendaklah wujud antara raja dengan pegawai. Jeneral perang hendaklah berhibwa dan semua aspek peperangan dalam keadaan baik.
- 8 Mementingkan pengetahuan tentang diri dan musuh.
- 9 Mengenali bentuk muka bumi dengan memerhati mobalisasi tentera musuh.

Kesimpulan (2 markah)- Apa saja yang berkaitan.

PERCUBAAN SEJARAH 940/1
STPM 2009

SKEMA PEMARKAHAN

9 Jelaskan konsep manusia mengikut pandangan Islam dan Arab Jahilliah.

Skema Pemarkahan

A Pengenalan (3 markah)

1. Pengertian Jahilliah
2. Pengertian manusia – dalam bahasa Latin, manusia dipanggil sebagai homospiens. Manusia adalah sejenis haiwan mamalia yang boleh berfikir dan berkata-kata.
3. Pengertian Islam

B Isi (20 markah)

Konsep manusia menurut Islam. (10 markah – 5 x 2markah)

1. Pengertian manusia dari segi bahasa mengikut perspektif Islam.
 - i. Pengertian manusia dari segi bahasa.
 - ii. Pengertian dari segi istilah.
2. Mengikut Islam, manusia diciptakan oleh Allah s.w.t. untuk menjadi khalifah di atas muka bumi.
3. Di samping itu, manusia diciptakan oleh Allah s.w.t. untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. agar menjadi seorang hamba yang soleh.
4. Agama Islam juga menyarankan kepada manusia agar membangunkan unsur-unsur rohani dan jasmani demi mencapai keseimbangan dalam diri manusia. Keseimbangan di antara fizikal dan spiritual ini penting demi mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat kelak.
5. Kedudukan manusia di sisi Allah s.w.t. juga dikira sama tarafnya tanpa mengira warna kulit, keturunan, pangkat, dan lain-lain, Islam melarang perhambaan di kalangan manusia.
6. Manusia dicipta sebaik-baik kejadian. Bagi membolehkan manusia yang begitu sempurna penciptaannya agar hidup aman bahagia serta selamat sejahtera, Allah s.w.t. telah menjadikan segala sesuatu yang dapat menyempurnakan keperluan manusia.
7. Manusia yang paling mulia adalah manusia yang bertaqwa
8. Manusia sebagai pemegang amanah.
9. Semua manusia dari keturunan Adam dan manusia dijadikan dari tanah.
10. Manusia terdiri daripada 5 komponen iaitu : jasad, roh, akal, nafsu dan hati/jiwa.
11. Akal membezakan manusia dengan makhluk – makhluk lain.
12. Manusia dijadikan dalam keadaan fitrah.

Konsep manusia menurut Jahilliah. (5 x 2 markah = 10 markah)

1. Manusia tidak bersifat abadi dan akan terhapus setelah berlakunya kematian dan tidak mempercayai adanya Hari Akhirat dan Hari Pembalasan. Dengan sebab itulah kehidupan manusia pada zaman berkenaan penuh dengan kemaksiatan.
 2. Di samping itu, manusia menurut pandangan Jahilliah lagi menjadikan hawa nafsu sebagai panduan bagi kehidupan mereka di dunia ini. Sehubungan dengan ini, berjudi, minum arak, dan makan riba dianggap sebagai satu jalan mencari rezeki yang baik dan mudah, oleh itu, mereka melakukannya.
 3. Status mereka dalam masyarakat bergantung kepada keturunan dan kabilah. Sekiranya kabilah itu kaya, kuat, dan berpengaruh maka seseorang anggota kabilah itu dipandang mulia.
 4. Menghargai dan mendewakan kuasa alam sekeliling.
 5. Mempercayai adanya tuhan tetapi tidak beriman kepada satu tuhan.
 6. Mereka tidak tahu asal-usul kejadian manusia.
 7. Mereka melihat manusia dari sudut jasadiah semata – mata.
- C Kesimpulan (2 markah)
- Apa sahaja yang berkaitan

10. Sahifah Madinah dianggap sebagai perlembagaan bertulis yang pertama di zaman Islam. Huraikan Perkara – perkara yang terdapat dalam Sahifah Madinah.

A. PENGENALAN.

- a. Hijrah Nabi Muhammad ke Madinah dan kesannya.
- b. Sebelum perlembagaan Madinah diperkenalkan Nabi Muhammad s.a.w telah mengambil beberapa langkah seperti mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar, membina masjid dan mengawal aktiviti penduduk bukan Islam di Madinah.
- c. Perlembagaan Madinah mempunyai 47 fasal.
- d. Komposisi penduduk Madinah.

B. ISI – ISI PENTING.

1. Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin. Dalam perkara pertama Piagam Madinah, semua rakyat Madinah hendaklah menerima kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w. Penduduk Islam menerima Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin agama dan ketua negara. Nabi juga menjadi empat rujukan sekiranya terdapat sebarang masalah.
2. Konsep ummah. Seluruh penduduk di Madinah sama ada Muslim atau non – muslim disatukan di bawah konsep ummah. Hal ini disebutkan dalam perkara kedua perlembagaan itu.
3. Kebebasan beragama. Sebagai sebuah negara yang bebas, rakyat juga diberikan kebebasan menganut agama masing – masing. Kebebasan ini telah dijamin oleh Al – Quraan yang bermaksud “Tiada paksaan dalam agama”

4. **Kewajipan mempertahankan negara.** Oleh kerana penduduk Madinah terdiri daripada Islam dan bukan Islam, Nabi Muhammad telah mengikat mereka dengan perjanjian ini bahawa semua hendaklah mempertahankan kota Madinah jika diserang oleh pihak musuh. Keselamatan penduduk Madinah dipelihara selagi mereka taat kepada perundangan negara.
5. **Kerjasama dan sikap tolong menolong sesama warga Madinah diwajibkan.**
6. **Al-Quraan dan hadis sebagai sumber perundangan dan rujukan utama.**

C. KESIMPULAN:

Apa – apa sahaja yang berkaitan.

11. Perang Uhud adalah peperangan kedua yang melibatkan orang Islam dan Arab Quraisy Mekah. Terangkan sebab dan kesan peperangan tersebut kepada pihak-pihak yang terlibat.

Pengenalan (3 M)

- Peperangan berlaku pada tahun 3H (625M)
- Melibatkan umat Islam Madinah dengan kafir Quraisy Mekah

Isi

Sebab-sebab peperangan (10M)

- didorong oleh perasaan marah dan dendam dalam hati musyrikin Mekah setelah diaibkan oleh tentera Islam dalam perang Badar.
- Malu kerana kalah dalam Perang Badar, selama ini mereka megah dengan kekuatan dan kemuliaan. Mereka sangat terhina dengan kekalahan tersebut. Lagi pula ramai kabilah asing berpihak kepada Islam Madinah selepas Quraisy kalah.
- Quraisy ingin menuntut bela diatas kematian saudara mereka dalam P Badar.
- Bagi Islam, ia lebih kepada mempertahankan diri dan memelihara kedaulatan Negara.
- Agar mendengar arahan ketua dan tidak bersikap tamak terhadap harta rampasan perang

Kesan-kesan

- Musyrikin Mekah Berjaya menewaskan tentera Islam. Rasulullah sendiri cedera dan terbunuhnya Saidina Hamzah.
- Jumlah yg terkorban di kalangan tentera Islam 70 orang, 41 drpnya adalah muhajirin dan seorang yahudi.
- Pengajaran kepada tentera Islam, Agar mendengar arahan ketua dan tidak bersikap tamak terhadap harta rampasan perang
- Musyrikin semakin bersemangat dan berazam untuk menghancurkan Islam Madinah.

Kesimpulan (Apa saja yang berkaitan)

12. Huraikan Sumber Dan Sistem Pentadbiran Baitul Mal Pada Zaman Khalifah Umar Bin Al-Khattab.

A. PENDAHULUAN:

Khalifah Umar Al-Khattab dipilih menjadi khalifah setelah dicalonkan oleh Saidina Abu Bakar al-Siddiq dengan persetujuan para sahabat yang lain. Di dalam ucapan dasarnya beliau telah menyatakan dengan izin Allah dia akan membawa orang-orang Islam ke jalan yang benar.. Beliau diamanahkan untuk menentukan dasar kewangan

negara. Dengan itu Institusi Baitul Mal ditubuhkan untuk menyeragamkan pentadbiran kewangan di samping memusat, mengawal dan memanfaatkan pendapatan negara.

Khalifah Umar mentadbir wilayah Islam yang luas meliputi Semenanjung Tanah Arab, Iraq, Syria, Baitul Muqadis dan Mesir. Selain daripada orang Islam, rakyat bukan Islam juga memberi ketaatan setiaan kepada kerajaan pusat di Madinah. Orang-orang Islam yang berharta membayar zakat dan orang-orang bukan Islam membayar Jizyah. Selain daripada itu cukai-cukai lain juga dibayar mereka. Khalifa Umar sendiri yang mengetuai urusan pentadbiran zakat.

B. ISI – ISI PENTING.

1. SUMBER BAITUL MAL:

a. Zakat;

Sumber utama ialah zakat. Zakat ialah bayaran ke atas hasil pendapatan dalam bentuk wang atau benda lain oleh umat Islam yang berharta apabila mendapati hasil tanah pertanian dan ternakan serta nilai emas dan perak mereka mencukupi syarat zakat sebagaimana yang ditentukan oleh syarak. Jumlah zakat yang tertentu diserahkan kepada Baitulmal untuk diuruskan. Pihak Baitul Mal akan menilai semua bayaran. Pada satu tempoh masa, jumlah bayaran diperuntukan kepada pihak yang layak menerimanya iaitu lapan asnaf yang disebut dalam al-Quraan.

b. Ghanimamah.

Selain zakat, baitul Mal mengurus harta daripada rampasan perang. Kemenangan dalam peperangan bermakna penguasaan keatas segala barang tinggalan musuh. Harta tersebut perlu diambil bagi dimanfaatkan oleh orang lain. Selain peperangan, harta juga diperolehi semasa menduduki kawasan yang ditinggalkan oleh tuannya atau harta tidak bertua. Harta yang sebegini disebut "Fay". Baitul Mal memperuntuk 1/5 daripada kutipan ghanimamah dan fay dikhaskan untuk perbelanjaan kerajaan pusat dan bakinya diagihkan kepada tentera-tentera yang terlibat dalam perluasan kuasa itu.

c. Jizyah.

Kerajaan Islam bertanggungjawab melindungi dan menjaga keselamatan orang-orang bukan Islam yang bersetuju menerima pemerintahan Islam di kawasan mereka. Tentera Islam ditugaskan mengawal kawasan-kawasan mereka. Semasa kemaraan tentera Islam, mereka diberi pilihan. Sekiranya mereka memilih untuk bemaung di bawah kerajaan Islam, mereka dikehendaki membayar Jizyah. Kadar cukai ini ditetapkan diantara 12 hingga 48 dirham setahun mengikut taraf kekayaan dan keupayaan.

d. Kharaj.

Semua pemilik tanah di wilayah yang ditakluki dikehendaki membayar cukai (Kharaj) kepada Baitul Mal dengan kadar sebanyak 10 peratus. Sekiranya berlaku kemusnahan akibat banjir atau kemarau, cukai tidak akan dikenakan. Khalifah mewajibkan pemilik tanah mengusahakan tanah mereka sebaik mungkin. Bagi pemilik tanah kawasan lain, cukai tanah dibezakan mengikut jenis tanaman. Tanah yang ditanam dengan anggur dikenakan 10 dirham bagi setiap jarib.

e. Usyur.

Sumber Baitul Mal berikutnya diperolehi daripada para peniaga yang memperolehi pendapatan melebihi nisab sebanyak 200 dirham. Peniagaan Islam dan bukan Islam dikehendaki membayar cukai usyur ini mengikut kadar yang ditetapkan oleh Khalifah. Peniagaan kafir harbi yang tidak membuat perjanjian perdagangan dengan kerajaan Islam dikenakan Usyur 10 peratus, kafir Dhimmi 5 peratus dan di kalangan peniaga Islam mereka dikenakan cukai 2.5 peratus.

f. Sumber – sumber lain.

Baitul Mal turut menerima dan mentadbir cukai – cukai lain seperti sedekah, wakaf, harta karun dan harta rampasan dan disahkan benar selepas siasatan dijalankan.

2. SISTEM PENTADBIRAN BAITUL MAL.

a. Menyediakan buku kira – kira.

Khalifah Umar menyediakan sebuah buku kira – kira negara untuk mengetahui keluar masuk dari segi pendapatan dan perbelanjaan negara. Semua maklumat tentang kutipan dan agihan cukai boleh dirujuk dari buku ini.

b. Pengagihan Baitul Mal.

Terdapat lapan asnaf yang menerima zakat, Baitul mal menyalurkan peruntukan membina markas tentera, membayar gaji serta elaun tentera & gol zimmi.

c. Perlantikan Pegawai.

Melanjutkan amil – amil yang bertauliah di wilayah – wilayah yang ditaklukinya.

d. Baitul Mal terdapat di peringkat pusat dan wilayah.

C. KESIMPULAN:

Khalifah Umar merupakan orang pertama yang bertanggung jawab menubuhkan Baitul Mal. Perancangan dan pelaksanaannya yang sistematik menjadi contoh hingga kini.

13 Huraikan jenis-jenis institusi pendidikan Islam dan kaedah-kaedah pembelajarannya di Alam Melayu.

A. Pendahuluan

Dalam konteks Islam, pendidikan melibatkan proses sepanjang hayat, iaitu bermula dari dalam buaian hingga ke liang lahad. Pendidikan Islam memberikan kebebasan kepada semua orang untuk mendapatkan pendidikan tanpa mengira jantina, kekayaan dan warna kulit.

B. ISI – ISI PENTING

Institusi-institusi Pendidikan Islam di Alam Melayu

- a) Masjid- institusi utama masyarakat Melayu mendapatkan ilmu pengetahuan.
- b) Istana – Terbuka kepada kelas bangsawan sahaja. Ilmu-ilmu diajar secara formal dan non-formal.

- c) Pesantren/Pondok – Institusi tertua di Asia Tenggara. Terletak di kawasan pedalaman. Pada peringkat awal ia tidak mempunyai kurikulum yang khas.
- d) Di Achen terdapat tiga jenis institusi utama iaitu meunasah, rangkang dan Jamiah Baitul Rahman. Meunasah merupakan institusi asas di mana kanak-kanak menerima pendidikan asas daripada guru yang dikenali sebagai Tengku Meunasah. Rangkang pula merupakan sekolah menengah. Pelajar akan belajar B Arab, Fiqah dan Tauhid. Jamiah Baitul Rahman institusi pendidikan tertinggi di Acheh. Tenaga pengajar terdiri daripada ulama Acheh sendiri dan daripada Arab, Turki dan India.

Kaedah-kaedah pembelajaran

- A) **Sistem halaqah** – guru berada di tengah-tengah bulatan atau separa dilingkungi oleh anak-anak murid.
 - i) Pembelajaran berlaku selepas atau antara solat, sama ada waktu zohor, atau selepas isyak dan Subuh.
 - ii) Bentuk pendidikan secara tidak formal, namun guru yang mengajar mempunyai tauliah
 - iii) Mata pelajaran yang diajar adalah ilmu keagamaan, terutama ilmu fiqah dan usuluddin.
 - iv) Guru-guru tidak diberi gaji, namun mendoakan peribolangan daripada anak murid dengan mengerjakan tanah pertanian.
- B) **Sistem madrasah** – tempat belajar/sekolah. Ada 3 peringkat iaitu rendah, menengah dan tinggi.
 - i) Guru dibayar gaji.
 - ii) Mata pelajaran agama dan bukan agama diajar
- C) **Sistem pondok** – bermula pada abad ke 12 di Tanah Melayu
 - i) Tidak ada kurikulum yang jelas, bergantung kepada ilmu guru
 - ii) Tenaga pengajar menggunakan kaedah halaqah dan tidak mendapat gaji.

KESIMPULAN

Masyarakat Melayu memberikan fokus kepada aspek pendidikan bagi mendalami ilmu, khususnya ilmu keagamaan.

14. Jelaskan faktor-faktor yang menggalakkan orang-orang Islam melakukan penjelajahan dan penerokaan.

Pendahuluan (3M)

- Maksud penjelajahan dan penerokaan
- Tokoh-tokoh penjelajahan dan penerokaan Islam

Isi-isi (7 isi X 3 M)

1. Menyahut seruan Al Quran seperti terdapat dalam surah al-Mukmin ayat 82
2. Penyebaran Islam – usaha dakwah
3. Perdagangan
4. Semangat ingin tahu
5. Kemajuan dalam teknologi pelayaran
6. Tingkatkan ilmu pengetahuan
7. Perkembangan kebudayaan

Kesimpulan (1M – Apa saja yang berkaitan)

15. Bandingkan sistem pemerintahan antara negara Rom pada zaman Augustus dengan Madinah pada zaman Nabi Muhammad s.a.w.

Skema Peemarkahan

Pendahuluan

1. Latar belakang Augustus dan Nabi Muhammad.
2. Latar belakang dan lokasi kerajaan Rom dan kerajaan Islam Madinah .

Isi (5 x 4 markah = 20 markah)

Perbandingan sistem pemerintahan Rom dengan Madinah

1. Sistem pemerintahan

- a. Sistem pemerintahan Augustus bersifat monarki dan imperial. Sistem ini memisahkan agama dan politik.
- b. Sistem pemerintahan Nabi Muhammad bersifat negara Kota dan mengamalkan sistem pemerintahan Islam iaitu agama dan politik tidak dipisahkan.

2. Institusi pemerintahan

- a. Maharaja berkuasa penuh, dewan Senat dan institusi lain berada di bawah kuasa Maharaja.
- b. Negara Kota Madinah terdapat Majlis Sura bertanggung jawab menggubal dasar-dasar pemerintahan negara berteraskan Al-Quran dan Hadis.

3. Ketua Negara atau Khalifah .

- a. Maharaja (Princep) menjadi ketua negara dan dianugerahkan gelaran August (yang disucikan) oleh Senat.
- b. Negara Kota Madinah terdapat seorang pemimpin iaitu Nabi Muhammad s.a.w. juga seorang Nabi lagi Rasul.

4. Perundangan

- a. Rom mengamalkan Undang-undang Papan 12 kerana sistem perundangan ini diukir pada 12 keping papan dan diletakkan di tempat awam. Digubal dan diluluskan oleh Senat.
- b. Negara Kota Madinah berteraskan syariah Islam yang bersumberkan ak – Quraan dan Hadis. Perlembagaan Madinah digubal dan mengandungi 47 yang berkait dengan orang Islam dan bukan Islam.

5. Agama

- a. Penduduk negara Rom mengamalkan tradisi menyembah dewa – dewi, Augustus menggunakan amalan ini bagi menyelesaikan masalah sosial dan kesetiaan rakyat.
- b. Negara Kota Madinah aktiviti keagamaan diadakan di masjid.

6. Keadilan sosial

- a. Negara Rom tidak wujud keadilan sosial antara rakyat empayar dengan rakyat Rom untuk memudahkan Augustus mengekalkan kuasanya.
- b. Negara kota Madinah memperkenalkan konsep ukhtwwah dan persamaan taraf menggantikan amalan assabiyah pada zaman jahiliah.

7. Ekonomi

- a. Dasar negara Rom dibawah Augustus menggalakkan aktiviti perdagangan untuk mendapatkan kekayaan demi kepentingan kekuasaan dan pembangunan Rom. (Laise-Faire)
- b. Negara Kota Madinah memperkenalkan muamalat Islam. Riba diharamkan, menyuruh mencari kekayaan dengan cara yang halal lagi baik dan diredhai Allah s.w.t.

8. Diplomasi

- a. Negara Rom tidak mengamalkan diplomasi tetapi mementingkan kekuatan kelenteraan. Augustus mengurangkan kegiatan perluasan kuasa.
- b. Nabi Muhammad telah membentuk satu dasar diplomasi dan hubungan luar di Madinah.

9. ketenteraan.

- a. Augustus memperkenalkan tentera profesional yang dibayar gaji tetap. Setiap tentera berkhidmat selama 20 tahun dan diberi pencen dalam bentuk wang dan tanah. Augustus telah mengurangkan bilangan Legion tentera dari 60 kepada 28.
- b. Nabi Muhammad telah mengasaskan sistem pertahanan Islam yang berlandaskan konsep jihad.

Kesimpulan (2 markah)

Apa sahaja yang berkaitan

Nota :

- Markah diberikan hanya ada unsur perbandingan.
- Sekiranya pelajar menjawab Augustus dan Nabi Muhammad tanpa ada perbandingan maka tiada markah isi.
- Sekiranya pelajar menyebutkan satu penanda wacana bandingan markah maksimum bagi isi 8 markah sahaja
- Calon dikehendaki membuat perbandingan setiap isi

16. Huraikan Konsep Seni Menurut Pandangan Islam Dan Barat Serta Nyatakan Perbezaan Antara Kedua – Duanya.

A. PENDAHULUAN.

1. Pengertian Seni.

- 1.1 Seni ialah salah satu aspek keilmuan yang mempunyai unsur – unsur kehalusan yang berkaitan dengan sesuatu aktiviti kerja yang mendalangkan faedah kepada manusia.

1.2 Pembahagian seni menurut kaca mata Islam adalah seperti berikut:

- 1.2.1 Kaligrafi.
- 1.2.2 Seni persuratan.
- 1.2.3 Seni bina.
- 1.2.4 Tekstil permaidani.
- 1.2.5 Seni suara/bunyi termasuk muzik.
- 1.2.6 Seni lakon.

1.3 Aliran seni:

- 1.3.1 Seni untuk seni.
- 1.3.2 Seni untuk sumber pendapatan.

1.4 bahan – bahan yang digunakan untuk kegiatan seni adalah bahan yang suci.

B. ISI – ISI PENTING.

1. Konsep seni menurut kaca mata Islam ialah:

1.1 Mencipta pelbagai hasil usaha yang terbit daripada kebolehan dan keupayaan manusia mencipta reka sesuatu perkara yang memberi manfaat kepada umat manusia.

1.2 Memberi sumbangan kerja tangan kepada manusia melalui jalannya yang di redai Tuhan.

1.3 Melahirkan ahli – ahli seni yang berwibawa, iaitu seni (para seniman) yang berfungsi sebagai salah satu bidang yang sesuai dengan fitrah manusia.

2. Bidang – bidang seni yang diharuskan oleh Islam, antaranya ialah:

- 2.1 Kaligrafi.
- 2.2 Seni persuratan.
- 2.3 Seni bina.
- 2.4 Seni tampak.
- 2.5 Seni suara dengan beberapa syarat khusus selagi tidak melanggar syarak.

3. Bidang – bidang seni yang diharamkan :

- 3.1 Seni Muzik contohnya segala bentuk dan persembahan seni masa kini yang tidak mencerminkan sebagai orang Mukmin.
- 3.2 Mempunyai unsur – unsur negatif dan tidak berakhlak atau bermoral.
- 3.3 Beri perbandingan antara seni yang dibolehkan dengan seni yang diharamkan.

C. KESIMPULAN.

Apa – apa sahaja yang berkaitan.